

PROFESIONALISME, KESEDIAAN MENGAJAR GURU PELATIH DAN PENYELIAAN PENGAJARAN PENSYARAH PEMBIMBING PRAKTIKUM DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU ZON SABAH

Mohamad Nizam Nazarudin¹
Nur Fatimah Luciana Benjamin Abdullah¹
Zakiah Noordin²

¹Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah

²Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya, Sabah

Accepted date: 5 June 2017

Published date: 5 July 2017

To cite this document:

Nazarudin, M. N., Abdullah, N. F. L. B., & Noordin, Z. (2017). Profesionalisme, Kesiediaan Mengajar Guru Pelatih Dan Penyeliaan Pengajaran Pensyarah Pembimbing Praktikum Di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)*, 2(4), 71-84.

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengenalpasti hubungan antara profesionalisme dan kesiediaan mengajar guru pelatih dengan penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing praktikum. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik yang melibatkan sampel seramai 113 orang responden daripada kalangan guru-guru pelatih sekolah rendah dari tiga buah Institut Pendidikan Guru di Zon Sabah yang sedang berada dalam praktikum fasa tiga dan berada di semester 7. Data yang terkumpul dianalisis secara deskriptif dan inferensi melalui ujian-T, Perbandingan Min, ANOVA sehala dan juga Kolerasi Pearson. Analisis data mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan penyeliaan pengajaran berdasarkan opsyen dan Institut Pendidikan Guru. Analisis Kolerasi Pearson pula mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara profesionalisme dan kesiediaan mengajar dengan penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing.

Kata kunci: Profesionalisme, Kesiediaan Mengajar, Penyeliaan Pengajaran, Guru Pelatih, Pensyarah pembimbing

PROFESSIONALISM, AVAILABILITY OF TEACHING TRAINEE TEACHERS AND LECTURERS TEACHING PRACTICUM SUPERVISION ADVISORS AT THE INSTITUTE OF TEACHER EDUCATION, SABAH ZONE

Abstract: *this study aimed to identify the relationship between professionalism and willingness to teach trainee teachers with teaching Practicum supervision lecturer advisors. This survey using a questionnaire involving sample 113 respondents from among the teachers of primary school trainee teachers from three other Institute of teacher education in the zone, which is in the practicum phase three and are in semester 7. The data collected was analyzed descriptively and motivated through the T-test, comparison of mean, one way ANOVA and Pearson Kolerasi also. Analysis of the data found that there is no significant difference teaching supervision based on option and the Institute of teacher education. Pearson Kolerasi analysis did find that there is a significant relationship between professionalism and willingness to teach the teaching supervision with lecturer advisors.*

Key words: *Professionalism, willingness to teach the teaching Supervision, trainee teachers, lecturers, tutors*

Pendahuluan

Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2013) menegaskan dalam Anjakan Keempat iaitu Mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan. Profesion keguruan akan menjadi lebih berprestij dan elit apabila pengambilan dibuat hanya dalam kalangan graduan 30% terbaik dalam negara. Guru pelatih akan menerima latihan yang sebaik mungkin dari mula mereka mengikuti program latihan hingga mereka bersara. Bagi memperbaiki kualiti pendidikan, penyeliaan pengajaran yang berkesan perlu ditegaskan dalam proses pengajaran guru. Penyeliaan sebagai salah satu mekanisme penting dalam Standard Kualiti Pelajaran Malaysia (SKPM) untuk menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia, sekali gus mengesan kelemahan dan membuat penambahbaikan.

Institut Latihan Keguruan (IPG) pula bertanggungjawab untuk menghasilkan guru yang berkualiti serta melaksanakan program latihan dalam perkhidmatan untuk peningkatan profesionalisme keguruan (BPG, 2010). IPG yang telah diamanahkan untuk melatih guru sentiasa berusaha untuk menghasilkan guru yang kompeten khususnya dari aspek kemahiran pengajaran di bilik darjah. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, maka BPG telah merangka Standard Guru Malaysia (SGM) sebagai panduan dan rujukan kepada setiap IPG dalam usaha menghasilkan guru yang berkualiti dan dapat bersaing dalam pasaran global.

Rentetan itu, semua guru pelatih di IPG dikehendaki melaksanakan fasa praktikum dimana akan melalui proses penyeliaan atau pencerapan klinikal. Guru pelatih akan diselia oleh guru pembimbing iaitu guru yang telah sedia ada dan dilantik oleh pihak pengurusan sekolah, sementara itu juga akan diselia oleh pensyarah pembimbing dari institut pendidikan guru masing-masing di tempat mereka menjalani latihan mengajar atau praktikum. Penilaian yang dibuat ke atas guru pelatih sedikit sebanyak akan dapat membantu mereka bakal guru mempersiapkan diri ke arah seperti yang dikehendaki berdasarkan item-item yang diuji.

Konsep penyeliaan di sini bermaksud pensyarah pembimbing dan guru pembimbing perlu menyelia dan membimbing guru pelatih sebelum, semasa dan selepas sesi pengajaran. Mereka perlu memerhatikan dan mencatat kelemahan dan kekuatan guru pelatih serta memberikan bimbingan dan tunjuk ajar berasaskan pencerapan klinikal bagi meningkatkan mutu pengajaran. Selain itu, mereka juga boleh memberi input yang membina untuk membantu guru pelatih meningkatkan keperibadian dan ikhtisan keguruan.

Penyataan masalah

Menurut Syed Ismail dan Ahmad Subki (2010), guru yang profesional memerlukan mereka menguasai kemahiran profesional yang berkaitan dengan profesion keguruan. Antara kemahiran profesional yang harus dimiliki seseorang guru adalah kemahiran berfikir. Ciri guru yang menguasai kemahiran profesional berfikir dapat dilihat apabila berjaya menggunakan akal untuk menyelesaikan masalah. Di samping itu, seseorang guru yang profesional juga harus mahir dalam penyusunan maklumat, konsep atau idea. Kemahiran ini diperlukan untuk menghasilkan suatu yang baharu terutamanya dalam kaedah dan penggunaan bahan pengajaran. Guru perlu peka kepada keperluan semasa sesuai dengan kehendak murid mereka.

Kesediaan mengajar menjelaskan bahawa seseorang pelajar itu telah cukup bersedia sepenuhnya untuk mengajar. Keyakinan mengajar sama ada melalui pelaksanaan amali pengajaran di tempat kursus atau ketika berada di lapangan sebenar iaitu semasa praktikum. Menurut Abdul Sukor (2011), setiap yang bekerja dimotivasikan oleh sesuatu yang menggerakannya untuk bekerja secara berkesan. Seseorang dimotivasikan oleh wang, manakala yang lain pula dimotivasikan oleh kenaikan pangkat atau pujian. Motif seseorang itu bekerja ialah berbeza-beza. Persediaan mengajar yang formal membantu guru bergerak dengan lancar daripada satu bahagian ke bahagian lain dalam pelajaran. Bagi guru baharu, ia menyediakan satu 'wawasan' tentang aliran pengajaran yang logik. Persediaan mengajar yang lengkap boleh membantu guru menyemak balik apa yang sepatutnya dilakukan sekiranya sesuatu kejadian berlaku dan mengganggu aliran pengajarannya. Walaupun berlaku gangguan dan guru terpaksa berhenti mengajar untuk sementara, tetapi guru masih boleh meneruskan pengajaran dengan merujuk kepada persediaan mengajarnya (Rahil et al, 2009).

Namun, apakah hubungan antara profesionalisme guru pelatih terhadap penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing terhadap mereka? Adakah keperluan profesionalisme guru pelatih memenuhi keperluan-keperluan item-item yang terkandung dalam penyeliaan pengajaran? Profesionalisme perguruan berkait rapat dengan mutu dan kualiti pendidikan. Penyeliaan yang berkesan memenuhi standard piawai yang telah ditetapkan perlu demi melahirkan bakal-bakal guru yang bertaraf dunia minda kelas pertama. Begitu juga halnya mengenai tahap kesediaan mengajar guru dalam hubungannya dengan penyeliaan pengajaran oleh pensyarah pembimbing. Adakah bakal guru bersedia untuk berhadapan dengan cabaran dalam profesion perguruan pada masa kini?. Bakal-bakal guru perlu menyiapkan diri dari segi spiritual dan intelektual untuk memikul tanggungjawab sebagai pendidik dalam profesion perguruan yang semakin mencabar ini.

Sorotan Literatur

Kajian Lim Yeong Chyng (2007) terhadap 120 orang guru teknikal di enam buah Sekolah Menengah Teknik di Pulau Pinang mendapati bahawa guru sedar akan kepentingan penyeliaan pengajaran dan tahap kesediaan mengajar guru adalah tinggi. Kajian juga mendapati bahawa

guru-guru perlu didedahkan kepada konsep dan matlamat penyeliaan pengajaran, justeru itu dapat memperkembangkan potensi guru secara berterusan dan meningkatkan profesionalisme guru. Kajian Nur Hafizoh dan Rohana (2013) pula mendapati tahap amalan profesionalisme keguruan yang berteraskan SGM dalam kalangan bakal guru Universiti Teknologi Malaysia didapati berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini dibuktikan melalui analisis yang telah dibuat iaitu menunjukkan bahawa tahap amalan kemahiran interpersonal dan intrapersonal menjadi amalan tertinggi iaitu dengan (min=3.49), diikuti amalan Kepercayaan Kepada Tuhan (min=3.24) dan amalan kepimpinan (min=3.19) iaitu secara keseluruhan puratanya ialah (min=3.31) yang membawa kepada tahap sederhana.

Seterusnya, kepentingan amalan profesionalisme keguruan dalam praktikum atau latihan mengajar menjadi aspek utama dalam penyeliaan pengajaran yang dibuat oleh pensyarah pembimbing praktikum. Dapatan kajian Tahap Profesionalisme Guru-Guru Pelatih Pendidikan Islam dalam Latihan Praktikum (Azhar Muhammad et al, 2007) pula menunjukkan min tinggi terhadap tahap profesionalisme guru-guru pelatih terhadap bidang perguruan sebagai satu profesion (min=4.42), terhadap penulisan rancangan mengajar (min=4.27), terhadap etika dan peraturan sekolah (min=4.53) dan terhadap penguasaan ilmu dalam mata pelajaran (min=3.92). Hasil dapatan kajian ini memperlihatkan amalan profesionalisme keguruan yang melibatkan guru-guru pelatih sentiasa menjadi sumber kajian kepada mana-mana penyelidik dalam pendidikan. Nilai-nilai guru terutama aspek profesionalisme keguruan mendapat respon yang positif (Azhar, et. al., 2007).

Dapatan kajian Veloo dan Komuji, (2013) terhadap 33 orang guru dari sebuah sekolah menengah di Sabah mendapati terdapat kesan penyeliaan klinikal terhadap prestasi pengajaran guru dan pengurusan bilik darjah. Kesan penyeliaan yang dibuat membolehkan guru membuat pengubahsuaian amalan pengajaran yang baik dan berkesan.

Kajian Hamdan Said & Nurlia Mohamad (2013) terhadap 321 orang guru dari sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi Johor menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai tanggapan yang positif terhadap penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah-sekolah; amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah adalah tinggi; dan penyeliaan pengajaran yang diamalkan berkesan dalam meningkatkan profesionalisme guru dari segi kualiti guru, perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam kalangan guru, dan membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya penyeliaan pengajaran ini didapati kurang berkesan dalam memperkukuhkan hubungan profesionalisme antara penyelia dan guru.


Kajian Peggie dan Ismail (2012) ke atas guru-guru teknikal di empat buah sekolah menengah teknik di Malaysia yang melibatkan seramai 162 orang responden. Kajian ini berfokus kepada pendekatan yang digunakan oleh penyelia semasa proses penyeliaan dilaksanakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan yang digunakan oleh penyelia semasa proses penyeliaan dilaksanakan (min=3.837), persepsi guru-guru teknikal terhadap penyeliaan P&P mereka (min=3.983) dan komponen penyeliaan P&P untuk guru-guru teknikal (min=4.153). Ketiga-tiga pembolehubah ini berada pada tahap yang tinggi.

Kajian-kajian lepas telah menjalankan kajian tentang profesionalisme guru pelatih, tahap kesediaan mengajar dan penyeliaan latihan mengajar atau penyeliaan klinikal. (Jamian et al, 2015; Bakar & Anwar, 2014; Baharuddin, 2014; Ghafa & Ariffin, 2012; Idris et al; 2008; Idris & Hamzah, 2012; Avalos, 2011; Johari & Juliana, 2011; Kasa et al, 1995) Tetapi, kajian-kajian yang dilakukan masih tidak menggabungkan ketiga-tiga aspek ini dalam kajian mereka yang berkaitan tentang guru pelatih. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji bidang ini dengan memfokuskan penyeliaan pengajaran sebagai pembolehubah bersandar dalam kalangan guru

pelatih sahaja. Oleh itu, bagi melihat hubungan profesionalisme guru pelatih dan tahap kesediaan mengajar terhadap penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing praktikum ini, maka pengkaji merasakan suatu keperluan untuk menjalankan kajian ini bagi mendapatkan respon daripada para guru pelatih Institut Pendidikan Guru.

Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini akan mengkaji Hubungan Antara Profesionalisme dan Kesediaan Mengajar Guru Pelatih Terhadap Penyeliaan Pengajaran Pensyarah Pembimbing. Kerangka konsep dalam kajian ini akan melihat tahap profesionalisme secara teliti berpandukan instrumen soal selidik nanti. Kajian ini juga akan mengkaji hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Objektif Kajian

Artikel ini bertujuan memperihalkan dapatan kajian yang mengkaji hubungan antara profesionalisme guru pelatih dan kesediaan mengajar terhadap penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing praktikum Institut Pendidikan Guru. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap profesionalisme guru, kesediaan mengajar guru pelatih dan penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing praktikum.
2. Mengenal pasti perbezaan penyeliaan pengajaran praktikum berdasarkan opsyen dan IPG.
3. Mengenal pasti hubungan antara profesionalisme guru pelatih dan kesediaan mengajar guru dengan penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing praktikum.

Skop Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meninjau dan mendapatkan gambaran tentang profesionalisme guru pelatih dan tahap kesediaan mengajar terhadap penyeliaan pengajaran oleh pensyarah pembimbing praktikum. Tinjauan dibuat menghusus kepada guru-guru pelatih pelbagai opsyen iaitu Bahasa Inggeris (SK) dan Opsyen Prasekolah Guru pelatih yang terlibat merangkumi satu kumpulan pelajar daripada Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) Ambilan Januari 2013 yang akan menjalani praktikum Fasa 3 di Semester 7 sesi 2016. Antara tujuan kajian ini juga adalah untuk mengetahui dan mengenalpasti persepsi guru-guru pelatih

terhadap kepentingan dan hubungan profesionalisme dan tahap kesediaan mengajar guru pelatih khususnya persepsi mereka pada penyeliaan pengajaran oleh pensyarah pembimbing praktikum.

Metodologi

Kajian tinjauan ini melibatkan sampel seramai 113 orang responden daripada kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) Ambilan Januari 2013 yang akan menjalani praktikum Fasa 3 di Semester 7 sesi 2016 dari tiga buah Institut Pendidikan Guru di Zon Sabah. Responden adalah guru-guru pelatih pelbagai opsyen iaitu Bahasa Inggeris (SK) dan Opsyen Prasekolah seperti di Jadual 1 di bawah ini:

Jadual 1 : Guru Pelatih PISMP Ambilan Januari 2013 (Semester 7)

Bil.	Ipg	Opsyen	(Sampel)
1.	Kampus A	Prasekolah (SK)	30
2.	Kampus B	Bahasa Inggeris (SK)	54
3.	Kampus C	Bahasa Inggeris (SK)	29
Jumlah			113

Kajian kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik bagi mendapatkan data. Dimensi profesionalisme dan kesediaan mengajar guru pelatih telah menggunakan soal selidik yang dibina oleh Lim Yeong Chyng (2007) manakala bagi dimensi Penyeliaan Pengajaran pula adalah menggunakan Borang Refleksi Amalan Profesional LAM-PT-05-12 : Julai 2014 di bawah MS ISO 9001:2008. Borang ini merupakan borang sebenar yang akan dilengkapi oleh semua guru pelatih setiap kali selesai menjalani sesi praktikum (latihan mengajar) di setiap IPG di Malaysia.

Jadual 2, didapati bahawa nilai Cronbach Alpha yang diperolehi bagi skala profesionalisme adalah .929, skala Kesediaan Mengajar Guru Pelatih ialah .945 dan skala Penyeliaan Pengajaran Pensyarah Pembimbing adalah .931.

Jadual 2: Hasil ujian statistik Cronbach Alpha

Bahagian	Bil.Item	Kajian Ritis	Kajian Sebenar
B			
Professionalisme	50	.929	.934
C			
Kesediaan Mengajar Guru Pelatih	54	.945	.943
D			
Penyeliaan Pengajaran Pensyarah Pembimbing	25	.931	.889

Dapatan kajian telah di analisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences version 20.0*.

Dapatan Kajian

Taburan Demografi Responden

Dalam kajian ini, seramai 113 orang guru pelatih terlibat, terdiri daripada 30 orang responden dari Kampus A yang mengambil opsyen Prasekolah (SK) sebagai subjek major. Dari manakala Kampus C seramai 29 orang responden juga daripada pengajian Bahasa Inggeris (SK). Bilangan

responden perempuan adalah lebih ramai berbanding lelaki iaitu seramai 89 orang guru perempuan (78.8%), manakala 24 orang pula guru pelatih lelaki (21.2%). Seramai 30 orang responden daripada opsyen Prasekolah (26.5%) dan selebihnya seramai 83 orang responden (73.50%) daripada opsyen Bahasa Inggeris. Taburan responden mengikut Institut Pendidikan Guru yang terlibat dalam kajian ini pula adalah Kampus A 30 orang responden; Kampus B 54 orang responden dan Kampus C 29 orang responden.

Jadual 3: Pembahagian Responden Mengikut Jantina, Mengikut Bidang Pengkhususan & Mengikut Institut Pendidikan Guru (Kampus)

Jantina	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Lelaki	24	21.2
Perempuan	89	78.8
Jumlah	113	100.0
Opsyen	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Prasekolah (SK)	30	26.5
Bahasa Inggeris (SK)	83	73.5
Jumlah	113	100.0
Pengalaman Mengajar	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Kampus A	30	26.5
Kampus B	54	47.8
Kampus C	29	25.7
Jumlah	113	100.0

Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut perubahan pensyarah berlainan. Berdasarkan jadual, menunjukkan semua responden memberikan jawapan yang sama yang bermaksud setiap kali mereka keluar ke praktikum, mereka tidak akan diselia oleh pensyarah yang sama.

Jadual 4: Pembahagian Responden Mengikut Pensyarah Pembimbing

Kampus	Pensyarah Sama	Pensyarah Berlainan	Bilangan (responden)	Peratus (%)
Kampus A	-	30	30	26.5
Kampus B	-	54	54	47.8
Kampus C	-	29	29	25.7
Jumlah	-	113	113	100.0

Tahap Profesionalisme Dan Kesiediaan Mengajar Guru Pelatih Semasa Penyeliaan Pengajaran Praktikum.

Berdasarkan Jadual 5, didapati hanya dua orang guru pelatih (1.77 %) sahaja yang menunjukkan tahap profesionalisme yang sederhana. Seramai 111 orang responden yang mewakili 98.23% mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap profesionalisme guru-guru pelatih semasa praktikum di kawasan kajian adalah tinggi dengan nilai (min = 4.146, SP = .296). Hanya terdapat satu orang guru pelatih (0.88%) sahaja yang menunjukkan tahap kesiediaan mengajar yang sederhana. Seramai 112 orang responden yang mewakili 99.12% mempunyai tahap kesiediaan mengajar yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap kesiediaan mengajar guru-guru pelatih semasa praktikum di kawasan kajian adalah tinggi dengan nilai (min = 4.355, SP = .290). Dapatan kajian juga menunjukkan kesemua responden seramai 113 orang (100.0%) menunjukkan persepsi yang tinggi dengan penyeliaan pengajaran pensyarah

praktikum semasa praktikum dijalankan. Ini menunjukkan bahawa tahap penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing semasa praktikum di kawasan kajian adalah tinggi dengan nilai (min = 4.470, SP = .300).

Jadual 5: Analisis Tahap Profesionalisme Responden, Kesediaan Mengajar dan Penyeliaan Pengajaran Pensyarah Pembimbing Praktikum

Tahap profesionalisme guru pelatih	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	-	-
Sederhana	2	1.77
Tinggi	111	98.23
Jumlah	113	100.0
Min : 4.146	Minimum : 3.12	
Sisihan piawai (SP) : .296	Maksimum : 4.88	

Tahap kesediaan mengajar guru pelatih	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	-	-
Sederhana	1	0.88
Tinggi	112	99.12
Jumlah	113	100.0
Min : 4.355	Minimum : 3.37	
Sisihan piawai (SP) : .290	Maksimum : 4.96	

Tahap penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	-	-
Sederhana	-	-
Tinggi	113	100.0
Jumlah	113	100.0
Min : 4.470	Minimum : 3.20	
Sisihan piawai (SP) : .300	Maksimum : 5.00	

Perbandingan Tahap Penyeliaan Pengajaran Pensyarah Pembimbing Praktikum Berdasarkan Opsyen.

Berdasarkan Jadual 6, dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai $F=1.270$ dan nilai signifikan atau $p=.262$. Pada aras signifikan nilai $p<0.05$, didapati bahawa $p>0.05$. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan tahap penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing praktikum berdasarkan opsyen responden.

Jadual 6: Analisis Perbandingan Tahap Penyeliaan Pengajaran Pensyarah Pembimbing Praktikum Berdasarkan Opsyen

Opsyen	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	p
Antara Kumpulan	.114	1	.114	1.270	.262
Dalam Kumpulan	10.003	111	.090		
Jumlah	10.118	112			

$N = 113, p > .05$

Perbandingan Penyeliaan Pengajaran Pensyarah Pembimbing Berdasarkan Institut Pendidikan Guru (Kampus).

Berdasarkan Jadual 7, dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai $F=.771$ dan nilai signifikan atau $p=.465$. Pada aras signifikan nilai $p<0.05$, didapati bahawa $p>0.5$. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan tahap penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing praktikum berdasarkan Institut Pendidikan Guru.

Jadual 7 : Analisis Perbandingan Penyeliaan Pengajaran Pensyarah Pembimbing Berdasarkan Institut Pendidikan Guru

Opsyen	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	p
Antara Kumpulan	.140	2	.070	.771	.465
Dalam Kumpulan	9.978	110	.091		
Jumlah	10.118	112			

$N = 113, p > .05$

Hubungan Antara Profesionalisme Dengan Penyeliaan Pengajaran Pensyarah Pembimbing Praktikum.

Berdasarkan Jadual 8, dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan antara profesionalisme dengan penyeliaan pengajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap profesionalisme pada aras $p < 0.05$ dengan nilai $p = .000$ dan nilai $r = .589$. Maka terdapat hubungan yang signifikan antara profesionalisme dengan penyeliaan pengajaran.

Jadual 8: Hubungan Antara Profesionalisme Dengan Penyeliaan Pengajaran

Pemboleh ubah		Penyeliaan
Profesionalisme	r	.589**
	p	.000
	N	113

** Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2 hujung) $p < .01$

Hubungan Antara Kesediaan Mengajar Guru Pelatih Dengan Penyeliaan Pengajaran Pensyarah Pembimbing Praktikum.

Berdasarkan Jadual 9, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesediaan mengajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing pada aras $p < 0.05$ dengan nilai $p = .000$ dan nilai $r = .712$. Oleh itu, terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan mengajar dengan penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing.

Jadual 9: Hubungan Antara Kesediaan Mengajar Guru Pelatih Dengan Penyeliaan Pengajaran

Pemboleh ubah		Sikap
Kesediaan mengajar	r	.712**
	P	.000
	N	113

** Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2 hujung) $p < .01$

Perbincangan

Tahap Profesionalisme Guru

Tahap profesionalisme yang ditunjukkan memperlihatkan bahawa setiap guru pelatih diselia dengan kaedah yang sama dan selaras seperti yang telah termaktub dalam prosedur praktikum. Dapatan ini sejajar dengan SGM (2009), mereka berjaya merancang jika mencapai standard kualiti hasil kerja diutamakan, sistematik dalam proses penyimpanan rekod dan data organisasi, tugas diselesaikan mengikut masa yang telah ditetapkan serta sentiasa melakukan tugas mengikut perancangan yang telah dibuat serta mematuhi peraturan-peraturan yang ada.

Dapatan kajian ini juga sejajar dengan nilai-nilai utama Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan yang mempunyai tujuh Dimensi Budaya Institut Pendidikan Guru (SGM, 2009). Terdapat empat ciri-ciri profesionalisme iaitu memiliki keterampilan yang tinggi dalam suatu bidang serta kemahiran dalam menggunakan peralatan tertentu yang diperlukan dalam pelaksanaan tugas yang bersangkutan dengan bidang tadi. Kedua, memiliki ilmu dan pengalaman serta kecerdasan dalam menganalisis suatu masalah dan peka di dalam membaca situasi cepat dan tepat serta cermat dalam mengambil keputusan terbaik atas dasar kepekaan. Ketiga, memiliki sikap berorientasi ke depan sehingga punya kemampuan mengantisipasi perkembangan lingkungan yang terbentang di hadapannya dan keempat memiliki sikap mandiri berdasarkan keyakinan atau kemampuan peribadi serta terbuka menyemak dan menghargai pendapat orang lain, namun cermat dalam memilih yang terbaik bagi diri dan perkembangan peribadi.

Kesediaan Mengajar Guru Pelatih

Kesediaan mengajar guru pelatih adalah berada pada tahap tinggi berdasarkan persepsi responden dan ini membuktikan bahawa bakal-bakal guru perlu mempersiapkan tahap kesediaan mengajar yang tinggi dalam diri mereka. Sungguhpun pelbagai ilmu pedagogi yang telah dipelajari, namun apabila tiba waktu praktikal atau masuk ke lapangan sebenar guru-guru pelatih mesti menampilkan tahap kesediaan yang tinggi serta meyakinkan. Dapatan adalah selari dengan dapatan kajian Lokman dan Ida Juliana (2011) yang turut mengkaji tahap kesediaan bakal guru tahun akhir perdana dalam menceburi profesion perguruan. Berdasarkan analisis, didapati bahawa tahap keyakinan diri bakal guru dalam memikul tanggungjawab sebagai pendidik adalah sangat tinggi. Ini adalah kerana bakal-bakal guru ini merasakan mereka telah bersedia mengharungi cabaran dan mampu menjadi guru yang baik dalam profesion perguruan ini. Hasil daripada dapatan kajian ini, telah menguatkan lagi bahawa tahap kesediaan mengajar guru pelatih menjadi asas utama kepada bakal-bakal guru.

Hubungan antara profesionalisme dengan penyeliaan pengajaran pensyarah praktikum.

Kajian mendapati bahawa profesionalisme mempunyai korelasi positif yang sederhana kuat dan signifikan dengan penyeliaan pengajaran pensyarah praktikum. Ini bermakna semakin tinggi tahap profesionalisme guru-guru pelatih, maka sesi praktikum akan lebih lancar dan mudah dilaksanakan. Ini selari dengan dapatan kajian Azhar et al., (1998) yang juga menunjukkan min tinggi terhadap tahap profesionalisme guru-guru pelatih terhadap bidang

perguruan sebagai satu profesion , penulisan rancangan mengajar , etika dan peraturan sekolah dan penguasaan ilmu dalam mata pelajaran. Hasil dapatan kajian ini memperlihatkan amalan profesionalisme keguruan yang melibatkan guru-guru pelatih sentiasa menjadi sumber kajian kepada mana-mana penyelidik dalam pendidikan.

Hubungan Kesediaan Mengajar Guru Pelatih Dengan Penyeliaan Pengajaran Pensyarah Pembimbing.

Kajian juga mendapati bahawa kesediaan mengajar guru pelatih mempunyai korelasi positif yang sangat kuat dan signifikan dengan penyeliaan pengajaran pensyarah praktikum dengan nilai. Analisis ini menjelaskan bahawa kesediaan mengajar guru pelatih sangat penting dan menjadi aset utama dalam diri setiap guru pelatih. Kesediaan dalam pelbagai aspek yang melibatkan fizikal, mental, sahsiah dan material.

Persoalan yang timbul ialah adakah guru pelatih benar-benar berkeupayaan dan mempunyai kesediaan yang mencukupi untuk menjadi guru berkualiti sebagaimana yang dihasratkan oleh PPPM. Oleh itu untuk memastikan hasrat tersebut disambut baik oleh guru-guru pelatih, satu kajian perlu dibuat terhadap kesediaan mereka semasa mereka menjalani latihan mengajar atau praktikum di sekolah. Bagi memenuhi keperluan penyelidikan tersebut, tahap kesediaan guru pelatih dalam latihan mengajar diukur berdasarkan komponen-komponen yang terdapat dalam Borang PR1 iaitu Borang Bimbingan Praktikum yang digunakan di seluruh IPGK.

Dapatan kajian telah memberi sumbangan keilmuan kepada bidang penyeliaan pengajaran amalan profesionalisme khususnya penyeliaan praktikum. Pensyarah IPG didapati berupaya mengurus dan mentadbir praktikum dengan baik. Fokus penyeliaan adalah menepati dengan keperluan tugas sebenar pensyarah pembimbing. Demikian juga pensyarah pembimbing menggunakan kaedah yang sesuai dengan keperluan guru pelatih. Hasilnya guru pelatih berjaya memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang sesuai hasil bimbingan dan penyeliaan para pensyarah penyelia mereka. Ini kerana pelbagai amalan yang dipraktikkan oleh pensyarah pembimbing serta pengaplikasian Model Penyeliaan Klinikal Tahap Tiga Acheson.

Implikasi Penyeliaan Pengajaran Kepada Peningkatan Tahap Profesionalisme Pensyarah

Tahap kompetensi seseorang pensyarah pembimbing praktikum bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Pengetahuan dan kemahiran pula diperoleh melalui kursus-kursus dari semasa ke semasa. Adalah wajar sekiranya kursus pendedahan awal prosedur menyelia praktikum wajib diberikan kepada pensyarah baharu. Ini bertujuan untuk memudahkan proses penyeliaan pengajaran dilaksanakan. Rasionalnya pengetahuan dan kemahiran para pensyarah penyelia dapat dimantapkan dari semasa ke semasa. Jika ini dapat dilakukan hasilnya proses penyeliaan praktikum yang dikendalikan oleh pensyarah penyelia IPG lebih berkualiti. Kurikulum kursus harus mengandungi aspek penyeliaan praktikum dalam empat aspek iaitu penyeliaan klinikal, penyeliaan pentadbiran, penyeliaan program dan penyeliaan kemahiran bimbingan di dalam kelas. Selain itu kaedah dan teknik serta tingkah laku profesional pensyarah-penyelia turut diberi keutamaan.

Aspek-aspek ini harus diajar secara bersepadu melibatkan komponen teori dan amali melalui kaedah perbengkelan. Sehubungan dengan itu, disarankan agar IPG melaksanakan kursus pementapan penyeliaan praktikum kepada pensyarah IPG secara berterusan. Tenaga pengajar haruslah terdiri daripada para pensyarah yang berpengalaman dalam bidang pengajian yang

diajar. Memandangkan peranan pensyarah pembimbing praktikum sangat penting dalam melahirkan bakal-bakal guru yang mantap dalam aspek pengetahuan, sahsiah dan kemahiran, pengurusan IPGM disarankan agar menilai semula dasar berkaitan syarat masuk pensyarah dalam bidang pengajaran untuk berkhidmat di IPG. Adalah disarankan kepada KPM dan IPG supaya keutamaan diberikan kepada pensyarah yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang yang ditawarkan oleh IPG.

Pendedahan terhadap perubahan-perubahan dasar kurikulum yang berlaku juga perlu diuar-uarkan kepada para pensyarah agar tidak ada yang tercicir maklumat. Ini penting, agar dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam kuliah mereka, para pelajar yang bakal menjadi guru ini akan selalu mendapat input-input terkini tentang perubahan sistem pendidikan di Malaysia khususnya.

Implikasi Penyeliaan Pengajaran Dari Segi Perancangan Dan Persediaan Pengajaran

Berdasarkan dapatan kajian ini, didapati satu mekanisme yang selaras dalam melaksanakan sesuatu penyeliaan pengajaran diperlukan pada masa yang akan datang. Perancangan dan persediaan pengajaran guru boleh dirumuskan kepada beberapa aspek perancangan dan persediaan, iaitu peningkatan profesionalisme guru, perancangan yang lebih strategik, peningkatan mutu penampilan, peningkatan kemampuan emosi guru, peningkatan kesediaan guru, dan peningkatan mutu bahan bantu mengajar (BBM). Kesan penyeliaan yang dibuat membolehkan guru membuat pengubahsuaian amalan pengajaran yang baik dan berkesan.

Kesimpulan

Penyeliaan merupakan instrumen yang amat penting bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru pelatih di bilik darjah. Ini kerana hanya melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti pelajar akan mendapat manfaat daripadanya. Keseluruhannya. Kajian menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan dengan kajian lepas di mana dalam kajian ini, persepsi terhadap tahap profesionalisme dan kesediaan mengajar adalah tinggi manakala tahap penyeliaan pengajaran pensyarah pembimbing juga berada pada tahap yang tinggi. Di samping itu, kajian ini juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara profesionalisme dan kesediaan mengajar guru pelatih di sekolah rendah. Kajian juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara profesionalisme dan kesediaan mengajar dengan penyeliaan pengajaran, namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penyeliaan pengajaran dengan pensyarah pembimbing berdasarkan opsyen dan kategori Institut Pendidikan Guru kampus Zon Sabah.

Oleh itu, peranan penyelia pengajaran dan pensyarah pembimbing perlu dipertingkatkan dan diperkasa. Kualiti dan sistem penyeliaan perlu diperhalusi dari masa ke masa demi mencapai kualiti pendidikan negara yang mantap. Justeru, konsep dan teori penyeliaan klinikal adalah perlu untuk difahami dan diaplikasi dengan sebaik-baiknya. Semoga dengan adanya kajian-kajian sebegini dan kajian-kajian akan datang, diharap proses penyeliaan klinikal dapat dilaksanakan dan diamalkan dengan cara penyeliaan pendidikan yang sebenarnya. Pensyarah pembimbing digalakkan mengamalkan sikap yang terbuka dan sentiasa berinteraksi antara satu sama lain dengan cara seperti: (1) Bersedia berkongsi pengalaman ketika memberikan bimbingan, (2) Memberi maklum balas bimbingan secara jelas, telus dan terbuka demi meningkatkan kualiti guru pelatih, (3) Menjadikan tugas memberikan bimbingan pengajaran ketika praktikum sebagai sebahagian daripada tugas hakiki yang harus dilaksanakan dengan baik dan sempurna, (4) Mengatur dan menguruskan jadual bimbingan praktikum dengan

sistematik dan terancang supaya guru pelatih dapat dibimbing secara berkala sepanjang praktikum berlangsung, (5) Sentiasa mempertingkatkan kualiti bimbingan untuk lebih meyakinkan guru pelatih, dan (6) Perbincangan diadakan secara profesional antara pensyarah, guru pembimbing dan guru pelatih tanpa ada unsur peribadi.

Penghargaan

Terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana telah membiayai kajian ini oleh melalui Geran GPP009.

Rujukan

- Abd Ghani Abdullah & Abd Rahman Abd Aziz. (2009). *Mengurus Tingkah laku Pelajar*. PTS Profesional.
- Abdul Sukor Shaari. (2011). *Pedagogi : Dari Sekolah ke Institut Pendidikan Tinggi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Avalos, B. (2011). Teacher professional development in Teaching and Teacher Education over ten years. *Teaching and teacher education*, 27(1), 10-20.
- Azhar Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Azmi Shah Suratman, Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Ismail Mustari (2007). *Tahap Profesionalisme Guru-Guru Pelatih Pendidikan Islam Dalam Latihan Praktikum*. Laporan Akhir Geran Penyelidikan. UTM/RMC/F/0024 Universiti Teknologi Malaysia.
<http://eprints.utm.my/4276/1/75215.pdf>
- Bahagian Pendidikan Guru. (2009). *Garis Panduan Amalan Profesional : Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian*. Kota Kinabalu, Sabah: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
- Bahagian Pendidikan Guru. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Kementerian Pelajaran Malaysia
- Bahagian Pendidikan Guru. (2010). *Standard Guru Malaysia*. Kementerian Pelajaran Malaysia
- Baharuddin, A. (2014). *Amalan penyeliaan pensyarah pembimbing terhadap pelaksanaan latihan industri di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan, Pahang* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).<http://eprints.uthm.edu.my/7080/>
- Bakar, A., & Anwar, K. (2014). *Tahap kesediaan guru pelatih Institut Pendidikan Guru dalam latihan mengajar* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).<http://eprints.uthm.edu.my/5349/>
- Ghafa, M. N. A., & Ariffin, M. N. (2012). Kesan Latihan Perguruan ke atas Faktor Pemilihan Perguruan. *Jurnal teknologi*, 48(1), 15-31. DOI: <http://dx.doi.org/10.11113/jt.v48.243>
- Hamdan Said & Nurlia Mohamad (2013). *Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Di Daerah Kota Tinggi, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
http://eprints.utm.my/12013/1/Penyeliaan_Pengajaran_Dan_Pembelajaran_Di_Sekolah.pdf
- Idris, H., Safie, M., Sikor, H., Ariff, M., Zahara, S., & Mustafa, M. Z. (2008). *Komunikasi interpersonal dalam pengajaran di kalangan guru-guru teknikal Sekolah Menengah Teknik di negeri Melaka*.<http://eprints.uthm.edu.my/183/>
- Idris, N. H., & Hamzah, R. (2012). *Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM)*. *Jurnal Teknologi*, 60(1), 31-37.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia (2013) *Info Korporat*. Dari <http://www.moe.gov.my/ipgm/v2/index.php?lang=ms>
- Jamian, A. R., Razali, N. N., & Othman, S. (2015). *Keupayaan guru pelatih terhadap pelaksanaan aktiviti semasa latihan mengajar dalam pembentukan guru novis*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(1), 75-81.

- Johari, M., & Juliana, I. (2011). *Tahap kesediaan bakal guru tahun akhir perdana UTM (Kemahiran Hidup) dalam menceburi profesion perguruan. UNSPECIFIED*, 1-8. www.core.ac.uk/download/pdf/11787106.pdf
- Kasa, Z., Aroff, M., & Rahman, A. (1995). *Sikap dan masalah guru pelatih dalam menjalani latihan mengajar. Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 3(2), 125-133. <http://psasir.upm.edu.my/3081/>
- Kementerian Pelajaran Malaysia.(2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lim Yeong Chyng (2007). *Hubungan antara penyeliaan pengajaran, kesediaan mengajar dan profesionalisme guru di kalangan guru teknikal*. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. <http://eprints.uthm.edu.my/863/>
- Lokman Mohd Tahir & Ida Juliana Mat Johari (2011). *Tahap Kesediaan Bakal Guru Tahun Akhir Perdana UTM (Kemahiran Hidup) Dalam Menceburi Profesion Perguruan*. Universiti Teknologi Malaysia. http://eprints.utm.my/11760/1/Tahap_Kesediaan_Bakal_Guru_Tahun_Akhir_Perdana_UTM.pdf
- Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah. (2013). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*, 60, 31-37.
- Peggie, C., & Ismail, S. (2012). *Amalan Penyeliaan Pengajaran Keatas Guru-guru Teknikal sekolah-sekolah Menengah Teknik Di Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).<http://merr.utm.my/11191/>
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, Kamariah Abu Bakar, (2009). *Siri Pendidikan Guru Amalan Pengajaran Berkesan*. Selangor Darul Ehsan: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Shamsudin Mohamad & Kamarul Azmi Jasmi.(2011). *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Syed Ismail bin Syed Mustafa, Ahmad Subki Miskon. (2010). *Asas kepimpinan & perkembangan profesional*. Selangor.Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Veloo, A. & Komuji, M. M. (2013). *Kesan Penyeliaan Klinikal Terhadap Prestasi Pengajaran Guru Sekolah Menengah. Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 28, 81–102. http://apjee.usm.my/APJEE_28_2013/apjee28_2013_art6_81_102.pdf